

# Prof. Dr. Rasid Mail, TNC Akademik Dan Antarabangsa UMS baharu

UB 1.12.17 A6

KOTA KINABALU: Profesor Dr. Rasid Mail, 49, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Disember ini.

Beliau yang berasal dari Bongawan, memulakan perkhidmatan di UMS sebagai tutor sejak tahun 1997 sebelum dilantik sebagai pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (kini Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, (FPEP) pada tahun 1998.

Beliau memulakan kerjaya sebagai akauntan di beberapa agensi kerajaan, antaranya Lembaga Koko Malaysia dan Kementerian Pertanian Negeri Sabah sekitar tahun 1990-an, dan mendapat keahlian sebagai Akauntan Bertauliah (Chartered Accountant) dari Institut Akauntan Malaysia pada 1996.

Sejak berkhidmat di UMS lebih 20 tahun lalu, beliau memegang pelbagai jawatan pentadbiran seperti Dekan FPEP, Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS dan Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi



RASID

UMS, selain dilantik sebagai Profesor Gred Khas C (VK7) pada bulan September 2015.

Beliau juga telah terlibat dalam 20 projek penyelidikan dan lapan projek rundingan, selain terlibat dalam pelbagai penerbitan buku, artikel, jurnal dan manuskrip di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Atas pengalaman luas beliau dalam bidang akademik serta pengajian tinggi di peringkat tempatan dan antarabangsa menjadikan Prof. Dr. Rasid sebagai individu berkualiti dan berkelayakan menggalas tanggungjawab Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS.